

# INDEKS PENGUKURAN PENENTUAN HAD TEMPOH MUALAF DI MALAYSIA<sup>1</sup>

Azman, A.R.<sup>2</sup>, Irwan, M.S<sup>3</sup>, Mahazan, A.M<sup>4</sup>, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R<sup>5</sup>, Nuradli Ridzwan Shah, M.D<sup>6</sup>, Rose Irnawaty, Ibrahim<sup>7</sup>, Norlina Ismail<sup>8</sup>



<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan di Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi (NCOZ 2015), pada 1 Jun 2015, anjuran Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertempat di Hotel MS Garden, Kuantan Pahang. Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Kompetitif USIM, kod penyelidikan: PPP/UTG-0213/FSU/30/13013. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini dan sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my.

<sup>3</sup> Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: irwan@usim.edu.my.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: mahazan@usim.edu.my.

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: wmfazrul@usim.edu.my.

<sup>6</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: nuradli@usim.edu.my; mohdddalins@yahoo.com.

<sup>7</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: rose.irnawaty@usim.edu.my.

<sup>8</sup> Calon Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: linaismail29@gmail.com.

## **ABSTRACT**

*Based on the statistics released by the Syarie Lawyers Association of Malaysia in 2012 shows that an increase rate of muslim conversion is a total of 76, 663 people between 2002 until the year 2010, thus, it is proving good acceptance of Islam from the non-Muslims. Those who recently embraced Islam in 'urf' called convert and has the right in shares of zakat. However, the question arises in connection with the determination limit call duration that does not convert the uniform among the states in Malaysia especially in terms of relevance is used converts calls to those who have decades converts to Islam. Convert call duration limit differences are also impact the distribution of alms to convert. The purpose of the article is to identify the limitations period convert set by the States in Malaysia and to analyse and identify the index measure for determination of the appropriate period of limitation apply to convert in Malaysia. The study found that there is no uniformity among the States in determining the limitation period of the convert. Thus, the study suggests a limit period of up to eight (8) years to measure the understanding, strengthening and stability of one's Islamic convert by looking at an individual's transition period from the age of puberty mumayyiz so that a period of learning and understanding knowledge of religion before Islam put the responsibility completely to on the individual. Determining an index measuring the conversion period had in Malaysia is important to distinguish the truly understand Islam convert which would help in terms of consistency channeling of aid distribution of zakat for converts.*

Kata kunci: *Converts, Measuring Index, Measurement, Alms, Malaysia*

## **ABSTRAK**

*Statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan kadar pemeluk agama Islam seramai 76, 663 orang di antara tahun 2002 sehingga tahun 2009, sekaligus membuktikan penerimaan yang baik terhadap agama Islam daripada golongan bukan Islam. Mereka yang baru memeluk agama Islam ini secara urufnya digelar sebagai mualaf dan mempunyai hak dalam saham zakat. Namun, persoalan timbul berkaitan penentuan*

*had tempoh panggilan mualaf yang tidak seragam antara negeri di Malaysia khususnya dari sudut kerelevanan panggilan mualaf yang masih digunakan kepada golongan mualaf yang sudah puluhan tahun memeluk agama Islam. Perbezaan had tempoh panggilan mualaf turut memberi impak kepada agihan zakat kepada mualaf. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti had tempoh mualaf yang ditetapkan oleh negeri-negeri di Malaysia seterusnya menganalisis dan mengenal pasti indeks pengukuran bagi penentuan had tempoh mualaf yang sesuai diaplikasi di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa tiada keseragaman antara negeri di Malaysia dalam menentukan had tempoh mualaf. Justeru kajian mencadangkan had tempoh sehingga lapan (8) tahun sebagai indeks pengukuran kefahaman, pengukuhan dan kemantapan Islam seseorang mualaf dengan melihat kepada tempoh peralihan seseorang individu itu daripada umur mumayyiz sehingga baligh iaitu satu jangka masa pembelajaran dan pemahaman ilmu agama sebelum ditaklifkan tanggungjawab Islam sepenuhnya ke atas individu tersebut. Penentuan indeks pengukuran had tempoh mualaf di Malaysia penting bagi membezakan mualaf yang benar-benar memahami Islam seterusnya dapat membantu dari sudut keselarasan penyaluran skim bantuan agihan zakat bagi asnaf mualaf.*

Kata kunci: *Mualaf, Indeks Penentuan Had Tempoh, Pengukuran, Zakat, Malaysia*

## PENGENALAN

Mualaf merupakan salah satu golongan daripada lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat dalam Islam. Pensyarian zakat kepada asnaf mualaf sebagaimana firman Allah Taala yang bermaksud: “*Sesungguhnya sedekah zakat itu hanyalah bagi orang-orang fakir, miskin, amil, mualaf yang dipujuk hatinya, untuk hamba, orang yang berhutang, pada jalan Allah dan orang-orang yang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana*” (al-Quran, al-Tawbah 9: 60). Berpandukan ayat ini, terdapat lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat di mana golongan asnaf mualaf diletakkan di posisi keempat selepas asnaf fakir, miskin dan amil.

Walaupun kesemua lapan asnaf ini telah disyariatkan dengan *al-asnaf qat'iyy* dan *sarih*, namun perubahan zaman dan tempat telah menyebabkan berlaku sedikit perubahan dalam melaksanakan suruhan Ilahi tersebut. Sebagai contoh, pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakr, Sayyidina 'Umar telah mencetuskan "ijtihad baru" apabila mencadangkan supaya golongan mu'alaf tidak lagi perlu diberikan zakat.

Sayyidina 'Umar menggunakan kaedah *ta'li' al-ahkam* dengan mengaitkan hukum dengan situasi semasa untuk mempertahankan pendapatnya. Beliau mengatakan bahawa 'illah pemberian zakat kepada mu'alaf adalah untuk menguatkan lagi orang Islam. Selepas kewafatan Rasulullah SAW dan perkembangan Islam di Tanah Arab, Islam telah pun kuat dan tidak memerlukan bantuan mereka yang dahulunya diberikan zakat daripada bahagian mu'alaf.

Dalam era perkembangan madhhab fiqh pula, fuqaha telah berusaha mentafsirkan asnaf mu'alaf sesuai dengan pemahaman mereka terhadap nas dan realiti semasa. Walau bagaimanapun, ia telah menyerlahkan pandangan yang berbeza-beza. Sebagai contoh, asnaf mu'alaf telah ditafsirkan dengan pentafsiran yang berbeza, ada pandangan yang mengatakan mu'alaf termasuk golongan kafir dan Muslim, namun ada juga yang mengkhususkan kepada Muslim sahaja.

Matlamat utama pengagihan zakat kepada asnaf mu'alaf adalah untuk mendekatkan lagi hati-hati mereka yang telah dijinakkan kepada Islam. Melalui pemberian zakat kebajikan mereka akan lebih terpelihara sekaligus dapat menjadi instrumen dakwah yang berkesan. Sebagai objek dakwah, para ulama' terdahulu dan kontemporari berselisih pendapat tentang pendefinisian "mu'alaf". Namun, mereka bersepakat bahawa golongan ini adalah mereka yang baru memeluk agama Islam dan keimanan mereka masih lagi lemah. Di Malaysia, pelbagai skim bantuan kepada asnaf mu'alaf ini diperkenalkan. Namun persoalannya adakah bantuan yang diberi akan diterima oleh golongan mu'alaf secara berterusan atau terdapat limitasi tempoh tertentu. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji semula tafsiran asnaf mu'alaf dan mengenalpasti had tempoh kemu'allafan yang sesuai diaplikasi pada masa kini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan dua kaedah kajian iaitu melalui kajian teks dan kajian lapangan.

a) Kajian Teks

Kaedah ini melibatkan kajian perpustakaan atau dokumentasi yang akan mencungkil perkara yang berkaitan dengan pentafsiran asnaf mualaf menurut pandangan fuqaha. Kajian ini tidak tertumpu kepada satu aliran madhhab sahaja. Kajian ini merangkumi pandangan semua aliran madhhab yang diiktiraf dalam Islam menurut Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Melalui kajian teks juga, penulis akan mengkaji nilai semasa dan setempat yang boleh mempengaruhi pentafsiran asnaf mualaf dan pelaksanaan sistem dan setempat pengagihan zakat. Ia tidak tertumpu kepada buku semata-mata, tetapi juga melalui jurnal, laporan tahunan, majalah, akhbar, enakmen dan warta kerajaan.

b) Kajian Lapangan

Melalui kaedah ini, beberapa responden yang terlibat secara langsung dengan urusan pengagihan zakat akan ditemuramah untuk melihat secara lebih dekat lagi mengenai realiti yang berlaku dalam sistem pengagihan zakat kepada golongan mualaf.

Untuk menganalisis data yang telah diperoleh, metodologi yang digunakan ialah yang berbentuk analisis induktif, deduktif (*istiqrā'i*) dan komparatif (*muqaranah*). Cara yang digunakan ialah dengan menganalisis pandangan fuqaha tentang tafsiran asnaf mualaf dengan terlebih dahulu mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan mereka untuk mendapatkan aspek-aspek yang ditekankan dalam pentafsiran masing-masing. Seterusnya, aspek-aspek ini akan dinilai satu persatu dengan melihat kepada dalil daripada al-Quran dan hadis. Kemudian, penulis akan membandingkannya dengan realiti semasa dan menganalisis perkara ini sebelum mengeluarkan satu kesimpulan yang mantap.

## PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN DEFINISI MUALAF

Definisi mualaf dibahasakan melalui pelbagai dimensi dan perspektif para fuqaha terdahulu dan kontemporari. Negeri-negeri di Malaysia turut menetapkan definisi yang berbeza bagi golongan mualaf yang berbeza berdasarkan kepelbagaian negeri-negeri di Malaysia.

### **Mualaf Menurut Bahasa**

Mualaf secara literalnya berasal daripada perkataan bahasa Arab ‘*allafa*’, yang bermaksud menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996).

*Mu‘jam Lughat al-Fuqaha’* mendefinisikan mualaf sebagai seseorang yang diberi zakat untuk melembutkan hati mereka supaya memeluk Islam (Qal‘ajiy, 2010). Menurut al-Marbawiyy, mualaf bermaksud orang yang baru (memeluk) Islam. Perkataan ini berasal daripada perkataan *alifa, ya’lifu, ilfan*. *Alifahu* pula bermaksud suka atau gemar ia akan dia atau menjinaki. Manakala *allafa baynahum* bermaksud memperkasihkan antara mereka itu (Al-Marbawiyy, t.th). Menurut Kamus Dewan, Mualaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

### **Mualaf Menurut Empat Madhhab**

Tafsiran mualaf turut dibahasakan oleh para fuqaha’ terdahulu. Setiap madhhab melihat aspek yang berbeza dalam menilai takrifan asnaf mualaf. Tafsiran ini melalui perbincangan yang panjang oleh para fuqaha’ bersandarkan hujah-hujah yang dikemukakan melalui peristiwa pengagihan zakat yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Pentafsiran mualaf menurut madhhab empat diperincikan seperti berikut:

#### **1. Madhhab Hanafiyy**

Para fuqaha madhhab Hanafiyy tidak menjelaskan definisi mualaf secara terperinci. Madhhab ini lebih cenderung untuk membahasakan mengenai pemberian zakat kepada asnaf mualaf.

Menurut Al-Kasaniyy dalam bukunya “*Bada’i*”, *mu’allafah qulubuhum* (yang dijinakkan hatinya) ialah pemimpin Quraisy dan pahlawan Arab seperti Abu Sufyan bin Harb, Safwan bin Umayyah, al-Aqra<sup>c</sup> bin Habis, ‘Uyaynah bin Hisn al-Fazari, al-‘Abbas bin Mirdas al-Salmi, Malik bin ‘Awf al-Nadri, Hakim bin Hizam dan lain-lain lagi, dan mereka mempunyai kuasa, kekuatan dan pengikut yang ramai (Al-Kasaniyy, t.th). Menurut penulisan dalam *Al-Muhit Al-Burhanī fī Fiqh Al-Nu‘man Fiqh Imam Abi Hanifah R.A, mu’allafatu qulubuhum* ialah golongan daripada kalangan kaum Musyrikin (Ibn Ahmad, 2004).

## 2. **Madhhab Malikiyy**

Para fuqaha madhhab Malikiyy mengklasifikasikan golongan asnaf mualaf kepada dua golongan, iaitu golongan kafir dan golongan Muslim. Menurut Al-Dusuqiyy (t.th), mualaf ialah orang kafir yang diberikan zakat supaya memeluk Islam. Mualaf juga bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, lalu diberikan zakat supaya pegangan agamanya semakin kuat. Antara kedua-dua pentafsiran ini, Ibn ‘Irfah telah mengutamakan pentafsiran yang kedua (Al-Dusuqiyy, t.th). Berdasarkan kedua-dua pentafsiran ini, terdapat dua golongan mualaf, iaitu kafir dan muslim.

## 3. **Madhhab Shafi’iyy**

Para fuqaha madhhab Shafi’iyy mendefinisikan mualaf sebagai orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam (Shafi’iyy, t.th). Berdasarkan pentafsiran ini, golongan mualaf terbatas kepada orang yang telah memeluk Islam sahaja. Golongan ini diberikan zakat untuk menguatkan lagi pegangan mereka terhadap Islam.

## 4. **Madhhab Hanbaliyy**

Definisi mualaf menurut madhhab Hanbaliyy boleh terdiri daripada orang kafir atau muslim. Definisi mualaf menurut madhhab Hanbaliyy adalah seperti berikut:

- a) Pemimpin kafir yang memimpin suatu kaum atau kumpulan yang diharapkan agar memeluk Islam atau diharapkan menghentikan kejahatannya.
- b) Orang Islam yang diharapkan dapat menguatkan keimanannya dengan pemberian zakat.

- c) Pemimpin Muslim;
- Yang diharapkan agar para pengikutnya akan memeluk Islam
  - Yang dapat menggalakkannya supaya berjihad dan membela orang Islam.
  - Yang diharapkan dapat menghentikan kejahatannya.
  - Yang diharapkan dapat menimbulkan kekuatan untuk mengutip zakat daripada mereka yang enggan membayar zakat (Al-Bahutiyy, 1982).

Berdasarkan pandangan para fuqaha dalam pentafsiran mualaf, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai pandangan yang dibahaskan mengenai pentafsiran mualaf. Terdapat pentafsiran yang dipersetujui oleh beberapa madhhab, begitu juga, terdapat pentafsiran yang hanya dikemukakan oleh madhhab tertentu.

Semua madhhab memberikan definisi mualaf dengan menekankan unsur keagamaan dengan wujudnya objektif pengagihan zakat untuk melembutkan hati dan menguatkan iman. Namun tiada fuqaha yang mengaitkan pentafsiran mualaf dengan unsur harta iaitu sama ada seseorang mualaf itu fakir, miskin ataupun kaya. Mereka mempunyai hak yang sama untuk menerima zakat daripada bahagian asnaf mualaf. Hal ini sejajar dengan matlamat pemberian zakat kepada mualaf yang lebih menumpukan kepada urusan menguatkan Islam dan keislaman seseorang berbanding masalah kemiskinan di kalangan mualaf. Perbezaan pandangan tentang pentafsiran mualaf ditunjukkan dalam jadual berikut:



## Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia

| Perincian   | Hanafiyy | Malikiyy | Shafi'iy | Hanbaliyy |
|---|----------|----------|----------|-----------|
| Kafir   | -        | x        | x        | /         |
| Pemimpin Quraisy dan pahlawan Arab  | /        | -        | -        | /         |
| Orang yang baru memeluk Islam   | -        | /        | /        | /         |
| Orang atau pemimpin Islam yang ada kemuliaan dan kedudukan diharapkan pengikutnya akan ikut memeluk Islam                                     | -        | -        | /        | /         |
| Orang atau pemimpin Islam yang diberikan zakat dengan harapan pengikutnya akan menentang orang kafir dan golongan yang enggan membayar zakat. | -        | -        | /        | /         |

Jadual 1: Aspek Tafsiran Mualaf Menurut Fuqaha Klasik

Berdasarkan jadual 1 di atas, didapati bahawa dari sudut kepemimpinan, majoriti fuqaha memasukkan definisi bahawa pemimpin merupakan orang yang boleh digolongkan dalam golongan mualaf. Pemimpin tersebut perlulah mempunyai ciri-ciri tertentu sebelum layak untuk diberikan zakat. Bagi madhhab Hanafiyy yang tidak lagi membenarkan pemberian zakat kepada asnaf mualaf selepas pemerintahan Rasulullah SAW, pemimpin yang dibenarkan untuk menerima zakat adalah terhad kepada pemimpin Quraisy dan pahlawan Arab dengan syarat mereka mempunyai kuasa dan pengikut yang ramai yang terdiri daripada golongan muslim, munafik dan orang yang sukakan keadaan yang selamat (Al-Kasaniyy, t.th).

Pentafsiran yang memberikan keharusan mengagihkan zakat kepada pemimpin kafir dipersetujui oleh madhhab Hanbaliyy. Walau bagaimanapun, madhhab ini tidak memasukkan pemimpin Quraisy

dan pahlawan Arab dalam pentafsirannya, sebaliknya ia lebih terbuka kepada mana-mana pemimpin kafir dengan syarat ia benar-benar memimpin sesuatu kaum atau kumpulan. Selain itu, terdapat beberapa ciri yang perlu dipenuhi iaitu sama ada tujuan pemberian zakat itu untuk menggalakkan pemimpin tersebut memeluk Islam atau untuk menghentikan perbuatan jahatnya.

Madhhab Malikiyy dan Shafi'iyy pula tidak memasukkan unsur kepemimpinan dalam pentafsiran mualaf. Walau bagaimanapun, mereka bersetuju dengan pendapat yang mengharuskan pemberian zakat kepada pemimpin tetapi ia terbatas kepada pemimpin muslim sahaja. Walaupun terdapat pendapat yang lemah dalam madhhab Malikiyy tentang keharusan pemberian zakat kepada pemimpin kafir, namun pendapat yang lebih diterima adalah sebaliknya. Madhhab Shafi'iyy pula pada asasnya memang tidak bersetuju dengan pendapat yang mengharuskan pemberian zakat kepada orang kafir sama ada mereka adalah pemimpin atau rakyat biasa.

### **Mualaf Menurut Tafsiran Kontemporari**

Dalam menafsirkan definisi mualaf, terdapat pandangan ulama mutakhir yang cuba menggabungkan beberapa pentafsiran klasik lalu disesuaikan dengan keadaan kontemporari. Antaranya pandangan al-Qaradawiyy yang menyatakan bahawa mualaf ialah orang yang dilembutkan hatinya dengan harapan mereka akan condong kepada Islam atau menguatkan imannya atau menghentikan kejahatan mereka terhadap orang Islam atau diharapkan dapat mengambil manfaat mereka semasa mempertahankan diri daripada mereka atau menolong mereka semasa menentang musuh mereka dan sebagainya (Al-Qaradawiyy, 2000).

Menurut 'Umar al-Ashqar pula, mualaf ialah mereka yang digerakkan hatinya kepada agama Islam dengan cara memuliakan mereka dengan pemberian, atau mereka yang iman di hatinya belum kukuh, lalu diberikan harta zakat pada kadar yang boleh memantapkan dan menggembirakan mereka dan keluarga mereka terhadap Islam ('Umar Al-Ashqar, 2000). Pentafsiran ini memasukkan satu unsur baru berbanding pentafsiran lain iaitu unsur kadar. Kadar yang dimaksudkan ini hendaklah mencapai tahap kifayah sehingga memenuhi matlamat pemberian tersebut.

Menurut Wahbah al-Zuhayliyy, mualaf ialah mereka yang lemah hatinya terhadap Islam, lalu diberikan zakat untuk menguatkan pegangan mereka terhadap Islam (Al-Zuhayliyy, 1996). Manakala menurut Fiqh Manhaji, mualaf ialah mereka yang baru memeluk agama Islam (Al-Khin, 2005). Dengan pemberian zakat kepada mereka diharap akan dapat menguatkan pegangan mereka kepada agama Islam. Begitu juga orang Islam yang terkenal dan berkedudukan tinggi di kalangan kaum mereka supaya dengan zakat yang diberikan dapat menarik minat golongan mereka kepada Islam.

Merujuk kepada definisi mualaf menurut tafsiran kontemporari, definisi yang diberikan oleh para ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawiyy, Wahbah al-Zuhayliyy, Mustafa al-Khin dan ‘Umar Al-Ashqar menunjukkan bahawa mualaf ialah golongan yang dijinakkan hatinya supaya cenderung dengan agama Islam atau yang baru memeluk Islam dan belum kukuh keislamannya. Pendefinisian yang diberikan melayakkan golongan mualaf menerima bahagian zakat mualaf sepertimana yang termaktub di dalam al-Quran.

### **Mualaf Menurut Negeri-Negeri Di Malaysia**

Negeri-negeri di Malaysia mempunyai pentafsiran yang berbeza dalam mendefinisikan istilah mualaf yang berhak untuk menerima zakat. Berikut adalah definisi yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri serta Pusat Zakat di setiap negeri di Malaysia:

| Bil. | Negeri       | Pengertian   |
|------|--------------|--|
| 1    | Pulau Pinang | Mualaf ialah orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah.  |
| 2    | Selangor     | Mualaf ialah seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya dalam kalangan mereka yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela orang Islam atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap orang Islam. |

| Bil. | Negeri          | Pengertian   |
|------|-----------------|--|
| 3    | Kedah           | Mualaf ialah orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah.  |
| 4    | Sarawak         | Mualaf ialah orang yang baru memeluk Islam dan keimanannya belum lagi kukuh. Mereka ini perlu dijinakkan hatinya ataupun seseorang yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam. Nota: Mereka yang telah bertahun-tahun memeluk Islam terkeluar daripada asnaf mualaf. |
| 5    | Melaka          | Mualaf ialah orang yang baru memeluk agama Islam yang dijinakkan hatinya dengan diberi panduan dan bantuan agar mereka tetap teguh mencintai Islam.  |
| 6    | Terengganu      | Mualaf ialah mereka yang telah dijinakkan hatinya dan telah memeluk agama Islam, tetapi tahap keimanannya masih lemah.   |
| 7    | Negeri Sembilan | Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya).   |
| 8    | Johor           | Mualaf ialah mereka yang hatinya baru berjinak-jinak dengan agama Islam dan yang mendapat hidayah menganuti Islam supaya mereka merasakan adanya tempat bergantung bagi menghadapi cabaran yang mendatang.   |
| 9    | Pahang          | Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau mereka yang baru memeluk Islam dan belum kukuh Islamnya. (Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dalam brosur Zakat Dijana, Asnaf Dibela)                  |

Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia

| Bil. | Negeri | Pengertian   |
|------|--------|--|
|      |        | <p>Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharap kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam tetapi belum kukuh Islamnya. Ianya dibahagiakan kepada 4:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Baru memeluk agama Islam</li> <li>2. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya</li> <li>3. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang dibawah pimpinannya</li> <li>4. Orang yang memeluk Islam yang tinggal diperbatasan yang berhampiran dengan Negara musuh</li> </ol> |
| 10   | Perlis | <p>Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada dua iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Beragama Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baru memeluk agama Islam (Saudara Baru)</li> <li>• Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya</li> <li>• Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya</li> </ul> </li> </ol>                               |

| Bil. | Negeri              | Pengertian  |
|------|---------------------|---|
|      |                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam.</li> <li>b) Bukan Beragama Islam</li> <li>• Boleh dipujuk supaya masuk Islam</li> <li>• Boleh dipujuk supaya tidak merbahaya kepada orang Islam</li> </ul>  |
| 11   | Perak               | Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau mereka yang baru memeluk Islam dan belum kukuh Islamnya.   |
| 12   | Kelantan            | <p>Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada empat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Baru memeluk agama Islam</li> <li>2. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya.</li> <li>3. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang dibawah pimpinannya.</li> <li>4. Orang-orang yang memeluk Islam yang tinggal diperbatasan yang berhampiran dengan negara musuh</li> </ol> |
| 13   | Wilayah Persekutuan | Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya) terbahagi kepada dua iaitu:  |

Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia

| Bil. | Negeri | Pengertian  |
|------|--------|---|
|      |        | <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Beragama Islam                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baru memeluk agama Islam</li> <li>• Orang yang memeluk Islam tetapi masih lemah imannya</li> </ul> </li> <li>b) Bukan beragama Islam                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dipujuk supaya masuk Islam</li> <li>• Cenderung hatinya kepada ajaran Islam</li> <li>• Ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua Islam</li> <li>• Masyarakat orang Asli yang boleh dipujuk supaya menganut Islam</li> </ul> </li> </ul> |
| 14   | Sabah  | Mualaf ialah seseorang yang baharu memeluk agama Islam dan memerlukan bantuan kewangan.   |
| 15   | JAWHAR | Mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau mereka yang baru memeluk Islam dan belum kukuh Islamnya.   |

Jadual 2: Definisi Asnaf di Malaysia (Mualaf) Sumber: Laman Sesawang dan Buku Dasar Agihan Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri

Berdasarkan Jadual 2 di atas, terdapat beberapa negeri yang mengklasifikasikan golongan mualaf ini kepada dua golongan yang berbeza, iaitu golongan pertama adalah mereka yang baru memeluk agama Islam dan keislamannya masih lemah. Manakala golongan yang kedua adalah orang kafir yang dijinakkan hatinya kepada Islam dan ada harapan memeluk agama Islam. Negeri-negeri tersebut adalah Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Perlis dan Wilayah Persekutuan. Manakala negeri-negeri lain hanya meletakkan golongan mualaf itu sebagai mereka yang masih baru memeluk Islam waima keislaman mereka masih lemah ataupun di kalangan ketua-ketua kaum

yang telah memeluk Islam yang diharapkan dapat menarik kaumnya kepada Islam berpandukan kepada kriteria-kriteria yang tertentu.

## HAD TEMPOH SEORANG MUALAF

Berpandukan kepada sirah Nabi SAW, memperlihatkan bahawa Baginda memberikan zakat kepada para sahabat yang baru memeluk agama Islam iaitu ketika pembukaan Kota Mekah. Apabila sampai kepada pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA, beliau enggan untuk memberikan kepada Abu Sufyan, 'Uyainah, al-Aqra' dan 'Abbas bin Mirdas disebabkan pada Abu Bakar RA agama Islam sudah kuat dan kukuh serta berkembang dengan pesatnya. (Al-Shawkaniyy, 2005)

Berpandukan kepada perkara ini, jelas menunjukkan bahawa Abu Sufyan, 'Uyainah, al-Aqra' dan 'Abbas bin Mirdas masih diberikan bahagian asnaf mualaf di zaman Rasulullah SAW, walaupun mereka termasuk dalam kategori pembesar yang kaya. Tetapi bermula zaman khalifah Abu Bakar RA, pemberian bahagian asnaf mualaf itu diberhentikan dengan sebab agama yang semakin kukuh dan bilangan umat Islam juga semakin bertambah.

### Had Tempoh Mualaf Mengikut Negeri

Ulama-ulama terdahulu tidak meletakkan had tempoh tertentu bagi seseorang yang baru memeluk agama Islam digelar sebagai mualaf. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan 'Had Tempoh Panggilan Mualaf'. Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam tiada sebarang nas yang mewajibkan seseorang yang baru memeluk agama Islam dipanggil sebagai Mualaf. Sebutan dan had tempoh panggilan Mualaf ini lebih bersifat urf semata-mata. Berikutan itu, had tempoh mualaf bagi setiap negeri diputuskan mengikut Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing.



## Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia

| Bil | Negeri                        | Tempoh   |
|-----|-------------------------------|--|
| 1   | Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan | Tiada (mengikut <i>urf</i> setempat)   |
| 2   | Perlis                        | Tiada  |
| 3   | Perak                         | Tiada  |
| 4   | Kedah                         | Tiada  |
| 5   | Pulau Pinang                  | Tiada  |
| 6   | Selangor                      | 5 Tahun  |
| 7   | Negeri Sembilan               | Tiada  |
| 8   | Melaka                        | 5 Tahun  |
| 9   | Johor                         | Tiada tempoh (ikut penghayatan agama)  |
| 10  | Pahang                        | 7 Tahun  |
| 11  | Terengganu                    | 3 Tahun  |
| 12  | Kelantan                      | Tiada tempoh   |
| 13  | Wilayah Persekutuan           | Tidak ditetapkan   |
| 14  | Sabah                         | Tempoh asas 5 tahun dan boleh ke 7 tahun   |
| 15  | Sarawak                       | Tiada (mereka yang telah bertahun-tahun memeluk Islam tidak diiktiraf sebagai mualaf lagi) |

Jadual 3: Had Tempoh Panggilan Mualaf Mengikut Negeri.  
Sumber: Laman Sesawang Pusat Zakat Negeri dan Laman Sesawang e-fatwa JAKIM

Jadual 3 di atas menunjukkan tiada keselarasan yang diberikan bagi had tempoh mualaf antara negeri-negeri di Malaysia. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan meletakkan tempoh ini mengikut *urf*, manakala negeri-negeri lain meletakkan tempoh mualaf melalui keputusan Jawatankuasa Fatwa negeri masing-masing. Negeri Selangor dan Melaka menetapkan tempoh mualaf selama 5 tahun manakala Pahang dan Terengganu selama tujuh dan tiga tahun. Negeri Sabah memutuskan

bahawa had tempoh asas selama lima tahun dan boleh ke tujuh tahun. Baki negeri-negeri lain tidak menetapkan tempoh panggilan mualaf yang memberikan ruang kepada mualaf untuk menerima zakat sehinggalah dimaklumkan oleh pihak yang berwajib. Ketidak selarasan ini menimbulkan persoalan dalam kalangan mualaf yang membandingkan skim bantuan yang diterima dari satu negeri dengan negeri yang lain. Setiap negeri berhak untuk menentukan keputusan mereka dalam penentuan had tempoh panggilan mualaf. Namun, dicadangkan sekiranya ada ruang-ruang untuk penyelarasan tempoh tersebut untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan kesempatan yang boleh diambil disebabkan ketidak selarasan perkara ini.

Sebagai contoh, dalam menetapkan had tempoh mualaf di Melaka, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bil. 4/2010 yang bersidang pada 23 Muharram 1432H bersamaan 29 Disember 2010 sebulat suara bersetuju memutuskan bahawa:

1. Had Tempoh panggilan mualaf ialah lima tahun dikira dari tarikh pendaftaran memeluk Islam dengan syarat mereka telah mengikuti kelas-kelas agama anjuran Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka;
2. Menubuhkan satu jawatankuasa dikenali Jawatankuasa Mualaf yang berfungsi untuk menilai kelayakan dikeluarkan daripada panggilan mualaf dan kelayakan menerima zakat asnaf mualaf;
3. Selepas lima tahun, pemberian zakat dinilai berdasarkan siasatan sebagaimana untuk menentukan golongan fakir atau miskin. Mereka yang telah mempunyai taraf hidup yang melepasi garis kemiskinan tidak dapat dipertimbangkan untuk menerima zakat;
4. Jawatankuasa Mualaf boleh mengikut pertimbangannya, mengecualikan mana-mana mualaf daripada semua atau mana-mana peruntukan dalam syor yang dinyatakan; dan
5. Pihak Majlis Agama Islam Melaka mewujudkan suatu kaedah atau peraturan bagi melaksanakan cadangan tersebut supaya ianya lebih teratur.

Manakala mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang bersidang pada 13 Mac 2013 pula memutuskan bahawa had tempoh mualaf bergantung kepada urf yang dicadangkan, iaitu selama tiga tahun. Sekiranya mereka masih miskin atau tidak berkemampuan, maka zakat akan diberikan mengikut asnaf fakir dan miskin.

Di beberapa negeri seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Wilayah Persekutuan pula, tiada penetapan khusus yang ditetapkan mengenai had tempoh mualaf. Sebagai contoh, secara praktikalnya had tempoh mualaf yang digunapakai di Wilayah Persekutuan diambil daripada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-71 yang memutuskan bahawa sebutan dan had tempoh mualaf ialah lebih bersifat urf semata-mata. Namun penentuan urf tersebut perlulah dibangunkan dengan memperkenalkan satu indeks untuk menilai tahap kefahaman mualaf tentang agama Islam. Perkara ini amat penting sebagai mekanisma atau penanda aras untuk memastikan asnaf mualaf benar-benar memahami Islam dan tidak lagi bergelar mualaf.

Penyelidik mendapati perlu ditetapkan suatu tempoh khusus bagi had tempoh mualaf di Wilayah Persekutuan serta beberapa negeri lain di Malaysia. Penyelidik mencadangkan tempoh yang sesuai bagi had tempoh panggilan mualaf adalah selama lapan tahun. Justifikasi cadangan ini adalah dengan mengambil kira tempoh mumayyiz hingga baligh seseorang individu.

Para fuqaha berbeza pandangan dalam membahaskan tentang umur mumayyiz dan baligh. Bagi umur mumayyiz, terdapat dua pandangan. Pertama, menurut imam Nawawi (t.th) dalam kitabnya *al-Majmu'*, mumayyiz ialah kanak-kanak yang sudah memahami kata-kata. Dalam erti kata lain, mumayyiz ialah seseorang kanak-kanak yang faham kata-kata yang dituturkan kepadanya, memahami arahan, mampu membalas dengan baik, memahami tutur kata dan tujuan arahan atau percakapan sekalipun dengan kefahaman yang berbeza. Dalam madhhab Malikiyy, tiada had khusus ditetapkan mengenai umur mumayyiz dan hal ini disahkan oleh al-Mawardi dalam kitabnya *al-Insaf*. Pendapat kedua, jumbuh ulama Hanbaliyy menyatakan bahawa mumayyiz ialah seseorang kanak-kanak yang berumur tujuh tahun.

Pendapat ini berdasarkan hadis:

( (مُرُوا صِبْيَانَكُمْ بِالصَّلَاةِ، إِذَا بَلَغُوا سَبْعًا وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا، إِذَا بَلَغُوا عَشْرًا، وَفَرَّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ) )

Maksudnya: “Perintahkanlah anak-anak kamu mendirikan solat pada usia mereka tujuh tahun, dan pukullah mereka bila usia mereka 10 tahun. Dan pisahkanlah sesama mereka (adik-beradik berlainan jantina) di tempat tidur.”

(riwayat Ahmad Ibn Hanbal: 10/166)

Hadis di atas menunjukkan bahawa kanak kanak berumur tujuh tahun telah mampu untuk memahami perkataan dan perbuatan sehingga disarankan oleh Rasulullah SAW supaya mengajarkan mereka mendirikan solat. Oleh itu, penyelidik mentarjihkan pandangan yang kedua iaitu seorang kanak kanak itu dianggap sebagai mumayyiz ketika umurnya tujuh tahun.

Manakala dalam membahaskan tentang umur balighnya seseorang individu, ulama mempunyai tiga pandangan yang berbeza. Pandangan pertama mengatakan apabila berumur 18 tahun. Ini adalah pandangan madhhab Hanafiyy dan yang masyhur daripada kalangan madhhab Malikiyy. Manakala pandangan kedua mengatakan berumur 19 tahun, ia adalah pandangan sebahagian madhhab Hanafiyy, sebahagian madhhab Malikiyy dan madhhab Zahiriyy. Seterusnya, pandangan ketiga mengatakan berumur 15 tahun, ia adalah pandangan madhhab Shafi’iyy, madhhab Hanbaliyy, sebahagian madhhab Malikiyy.

Hujah atau dalil bagi pandangan pertama dan kedua (18 dan 19 tahun) hanyalah melalui pengamatan terhadap maksud ayat Allah SWT dan kebiasaan yang dinamakan seseorang yang telah cukup sifat dan boleh dipertanggungjawabkan dengan perintah dan larangan. Ayat Allah SWT tersebut adalah firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik, sehingga dia baligh (dewasa dan layak menguruskan hartanya dengan sendiri)...”

(al-Quran, al-An’am 6: 152)

Manakala pandangan ketiga adalah pandangan yang rajih serta kuat berdalilkan kepada perlakuan Baginda SAW, antaranya: Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahawa Ibn 'Umar RA berkata: Aku menawarkan diri (untuk berperang) pada hari peperangan Uhud, ketika itu aku berumur 14 tahun, lantas Baginda menolak permintaanku. Baginda SAW melihat aku masih tidak baligh. Dan ketika peperangan Khandak, aku menawarkan diri dalam keadaan berumur 15 tahun, lantas Baginda mengizinkan.

Berpandukan kepada hujah dan penerangan yang telah disebutkan, penyelidik mendapati bahawa seseorang individu itu disuruh belajar perkara agama seawal umur tujuh tahun sehinggalah jatuh kewajipan baginya ketika sampai umur baligh iaitu ketika berumur 15 tahun. Tempoh lapan tahun seharusnya cukup bagi seseorang itu mendalami ilmu asas terutamanya berkaitan dengan akidah dan ibadah sehingga dia dipertanggungjawabkan dengan kewajipan seorang Muslim secara total.

Bagi penetapan had tempoh bagi mualaf, para ulama silam tidak menetapkan sebarang tempoh tertentu bagi seseorang mualaf. Perlakuan Nabi SAW, para al-Khulafa' al-Rasyidin dan para sahabat yang lain juga tidak secara jelas menetapkan tempoh tertentu bagi seorang mualaf. Ia bergantung kepada kefahaman dan ketinggian Islam pada dirinya dan keadaan masyarakat Islam pada zaman tersebut.

Berdasarkan kepada situasi ini, penyelidik mendapati bahawa tempoh umur seseorang antara umur mumayyiz iaitu ketika berumur 7-8 tahun sehingga tempoh dia baligh ketika berumur 15 tahun boleh digunakan sebagai kayu ukur kefahaman, pengukuhan dan kemantapan Islam serta Iman yang sepatutnya bagi seorang mualaf. Dalam tempoh lapan tahun sebagai mualaf dan dibantu dengan pembahagian zakat kepadanya, sepatutnya sudah memadai untuk seseorang mualaf mempelajari dan mempraktikkan Islam dengan baik. Ditambah dengan keadaan Islam di Malaysia yang mudah untuk dipraktikkan dan terdapat pelbagai institusi yang memberi pendedahan serta menyampaikan Islam dengan baik kepada golongan mualaf. Justeru, penyelidik berpendapat berdasarkan perkembangan semasa, tempoh lapan tahun adalah satu tempoh yang sesuai bagi penetapan had tempoh mualaf untuk digunapakai di negeri-negeri di Malaysia khususnya di negeri-negeri yang belum menetapkan had tempoh bagi asnaf mualaf.

## KESIMPULAN

Setiap negeri mempunyai objektif tersendiri dalam menetapkan had tempoh bagi seseorang mualaf. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-71 telah memutuskan bahawa sebutan dan had tempoh mualaf ialah lebih bersifat *urf* semata-mata. Namun cadangan untuk memperkenalkan satu indeks penanda aras melalui tempoh peralihan daripada umur *mumayyiz* sehingga baligh seseorang individu mukallaf selama lapan tahun dilihat sebagai salah satu mekanisma atau indikator sesuai sebagai indeks pengukuran penentuan had tempoh mualaf di Malaysia khususnya untuk menilai tahap kefahaman mualaf terhadap agama Islam. Perkara ini perlu dipertimbang oleh pihak bertanggungjawab untuk memastikan mualaf benar-benar memahami agama Islam sekaligus dapat menilai kelayakan seseorang mualaf untuk menerima bantuan zakat yang disediakan di setiap negeri di Malaysia berdasarkan perkembangan semasa dan setempat.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Al Bukhariyy, Mahmood Ibn Mazah. (2004). *Al Muhit al-Burhan fi Fiqh al-Nu<sup>ʿ</sup>mani*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>ʿ</sup>Alamiah.
- Al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris. (1982). *Kashshaf al-Qina'an Matn al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazaliyy, Muhammad Ibn Muhammad. (t.th). *al-Wasit fi al-Madhhab*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Khin, Mustafa; Al-Bugha, Mustafa; Al-Syarbaji, Ali. (2005). *Fiqh Al-Manhajiyy: Manhaj Fiqh Al-Shafi<sup>ʿ</sup>iy*. Jilid II. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Al-Marghinaniyy, Burhanuddin Abu al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr. (1990). *al-Hidayah Syarh Badayah al-Mubtadi*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- \_\_\_\_\_. (2004). *al-Hidāyah fī Sharh Bidāyat al-Mubtadīj*. j.9. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Nawawiyy, Mahyuddin B. Sharf. (Tahqiq: Muhammad Najib Muti'i). (t.th.). *Kitab al-Majmu' ala Sharh al-Muhazzab Li al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah Irshad.
- \_\_\_\_\_. (1995). *al-Majmu' Syarh Muhaddab lil-Shiraziyy*. Kaherah: Dar al- Ehya' Turath al-'Arabi.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf Abdullah. (2000). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qurtubiyy, Mohammad Ahmad al-Ansari. (t.t). *Jami' al-Ahkam al-Qur'an*, j.8, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 113.
- Al-Sarakhsiyy, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Sahl Abu Bakr. (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma<sup>ʿ</sup>rifah.
- Al-Shawkaniyy, Muhammad Ibn Ali (Tahqiq & Takhrij: Sayyid Ibrahim). (2010). *Tafsir Fathul Qadir*. c.1, j.4. Jakarta: Pustaka Azzam.

- \_\_\_\_\_ . (2005). *Nail al Awtar Syarh Muntaqa al Akhbar Min Ahadith Sayyid al Akhyar*. Kaherah: Maktabah al Safa.
- Al-Shiraziyy, Abu Ishak Ibrahim Ibn Ali. (t.th.). *Al-Muhaddab fi al-Fiqh al-Imam Shafi'iy*. t.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- \_\_\_\_\_ . (t.th.). *at-Tanbih fi al-Fiqh Shafi'iy*. t.tp: 'Alim al-Kutub.
- Al-Yamaniyy, Yahya bin Abi al-Khair bin Salim al-'Imrani. (2000). *Al-Bayan fi Madhhab al- Shafi'iy*. c.1. t.tp: Dar al-Minhaj.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah (1997), *Fiqh Islamī wa Adillatuh*. c.4. j. 3. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmas & Radiah Abdul Kader. (2010). "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Di Malaysia". Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol.4. No.1 (2010). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Hasanah Abd Khafidz. (2006). *Asnaf Lapan : Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia*.
- Ibn Kathir, Ismail Ibn 'Umar al-Dimashqi. (Tahqiq: Sami Ibn MUhammad Salamah. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- \_\_\_\_\_ . (1992). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. j.2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri. (t.th). *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Maqdisi. (1992). *al-Mughni 'ala mukhtasar al-Kharqi*. Sunt. 'Abd al-Salam Muhammad 'Ali Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Rusyd, Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubi. (1996). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. j.2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. c.1. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Muhammad Ramzi Omar. (2004). *Zakat Menurut Empat Madhhab*. c.1. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Mujaini Tarimin. (2006). *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Qal'aji, Muhammad Rawas. (2010). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*. Beirut: Dar an-Nafaes.
- Uwais, Abd al-Halim. (2004) *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. c.1. Mansurah: Dar al-Wafa.
- Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

### **Rujukan Pengurusan dan Perundangan**

- Bahagian Agihan Zakat, Laporan Tahunan 2012, Majlis Agama Islam Melaka.
- Bahagian Zakat, Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Berdasarkan Manual Prosedur Pengurusan Agihan Zakat, Pusat Zakat Sabah.
- Garis Panduan Umum Agihan Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dalam 'Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat', 2007.
- Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dalam brosur 'Zakat Dijana, Asnaf Dibela.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam 'Panduan Permohonan Bantuan Zakat'.